

f. Membersihkan bekas cucian uri


Bekas/besen/lantai yang digunakan untuk mencuci uri perlu dibersihkan dengan larutan peluntur 1:10 dan dibilas dengan air bersih secukupnya. Ini bertujuan untuk menyucihamu. Plastik yang mengandungi darah perlu ditanam.

g. Membersihkan diri

Selepas mengendali/ membasuh uri seseorang itu perlu membasuh tangan dengan menggunakan sabun sampai bersih. Sekiranya terdapat percikan air basuhan uri pada badan maka orang itu perlu membersihkan diri dan mandi dengan menggunakan sabun.

h. Pakaian yang tercemar

Pakaian yang tercemar perlu direndam dalam larutan peluntur 1:10 selama 20 hingga 30 minit sebelum dibasuh dan dibilas dengan air bersih secukupnya.



Mencuci uri ibu yang HIV positif

Bagi ibu yang status HIVnya diketahui, jika melahirkan anak di hospital, urinya akan dimasukkan ke dalam beg plastik yang berisi 10% formaline saline. Biarkan uri berkenaan direndam selama 24 jam sebelum dicuci. Apabila hendak dicuci, terlebih dahulu buat lubang pada plastik berkenaan untuk formaline mengalir. Pastikan formaline tersebut mengalir ke dalam longkang atau lubang bagi dilupuskan.

Rujukan:

1. WHO AIDS Series No. 2 (1989). Guideline on sterilization and disinfection methods effective against human immunodeficiency virus (HIV), 2nd edition.
2. Ministry of Health AIDS Series No. 6 (1995). Universal Infection Control Precautions.
3. Ministry of Health Manual: Disinfection and Sterilization and Practice.
4. Ministry of Health (1998). Plan of Action for the Prevention and Control of HIV Infection.


Disediakan oleh Dr. Rohani Ali
Cawangan AIDS /STD, KKM

**Patuhilah
garis panduan di atas
untuk mencuci uri**



[1999/20,000]

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN



URI
[Placenta]

Dari Aspek Kesihatan

Langkah-langkah Pencegahan Yany Perlu Diambil

Pendahuluan

Pada kebiasaannya umat Islam di Malaysia akan mencuci serta membersih uri daripada ibu-ibu bersalin sebelum ia ditanam. Kerja-kerja membersihkan uri biasanya dilakukan oleh bidan kampung atau kaum keluarga ibu berkenaan.

Uri pada kebiasaannya mempunyai darah yang banyak. Darah pada uri seseorang boleh mengandungi kuman berbahaya seperti HIV, Hepatitis B dan sifilis, dan boleh menjangkiti manusia lain sekiranya ia berjaya memasuki tubuh manusia tersebut.

Memandangkan kerja-kerja membersihkan uri melibatkan darah, maka adalah menjadi tanggungjawab mereka yang membersihkan uri mengambil **langkah-langkah pencegahan** untuk mengelakkan diri mereka daripada dijangkiti oleh kuman tersebut. Berikut adalah garis panduan yang perlu diamalkan oleh sesiapa yang mengendalikan uri.

a. Memakai sarung tangan

Seseorang itu perlu sentiasa memakai sarung tangan getah apabila memegang, membasuh dan menanam uri tersebut.

b. Membalut kudis atau luka pada permukaan kulit

Mereka yang mempunyai luka atau kudis di tangan adalah tidak digalakkkan membasuh dan memegang uri bagi mengelakkan jangkitan. Sekiranya terpaksa, seseorang itu perlu terlebih dahulu membalut kudis atau luka dengan bahan kalis air.

c. Mencuci uri



Keluarkan uri dari dalam plastik dengan berhati-hati untuk mengelakkan percikan darah. Seelok-eloknya uri dibasuh di dalam sinki dengan menggunakan saluran getah agar air dapat dialirkan dekat dengan uri untuk mengelakkan percikan ke muka terutama mata dan mulut.



Sekiranya terpaksa membasuh uri di atas lantai, pastikan kaki dilindungi agar tidak terkena air cucian. Sentiasalah berhati-hati semasa mencuci uri.

d. Menyalirkkan air basuhan

Pastikan air basuhan disalirkan ke dalam longkang atau lubang bagi dilupuskan.

e. Menanam uri

Uri yang telah siap dicuci perlu dimasukkan ke dalam plastik atau plastik berlubang sebelum ditanam. Uri boleh ditanam mengikut kebiasaan. Jika menggunakan plastik berlubang, ia perlu dialas di dalam bekas sebelum ditanam bagi mengelakkan air meleleh.

